



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PENJELASAN URUSAN PELANTIKAN TETAP JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD41

---

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merujuk kepada keluhan ketidakpuasan hati calon berstatus tidak melepasi tapisan ditetapkan SPA [berdasarkan syarat skim perkhidmatan dan syarat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)] menerusi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) bagi permohonan pelantikan tetap jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43/UD41.

2. Iklan telah dikeluarkan oleh KKM mulai 1 hingga 15 Mac 2022 berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Syarat skim perkhidmatan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016):
  - (i) warganegara Malaysia;
  - (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (iii) memiliki ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM).**
  
- (b) Syarat kelayakan Bahasa Melayu:

Calon hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  
- (c) Syarat khusus yang ditetapkan oleh KKM:
  - (i) Calon telah dilantik kontrak (*Contract of Service*) di KKM berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016;
  - (ii) Calon telah menamatkan latihan siswazah di dalam atau di luar negara;

- (iii) Calon merupakan lantikan kontrak mulai tahun 2016 hingga 2018 sahaja;
  - (iv) Calon tidak pernah meletak jawatan, tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tempoh kontrak; dan
  - (v) Calon tidak pernah menolak tawaran pelantikan tetap.
- (d) Keperluan tambahan yang ditetapkan oleh KKM:  
Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan ijazah dan nombor pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

3. Calon hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon perlu mendaftarkan/mengemaskini permohonan bagi jawatan dan gred di atas sebelum atau pada tarikh tutup iklan.

4. Pada 16 Mac 2022, sejumlah 10,593 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,281 didapati tidak melepasi tapisan kerana tiada maklumat pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (nombor pendaftaran penuh) dan bidang pengkhususan perubatan yang merupakan syarat wajib untuk lantikan tetap seperti di perenggan 2(a) dan (b). Sejumlah 1,587 didapati tidak melepasi tapisan yang ditetapkan oleh KKM seperti di perenggan 2(c) di atas.

5. Berdasarkan maklum balas yang diterima, calon yang tidak melepasi tapisan di perenggan 2(a) dan (b) adalah berpunca daripada:

- (a) maklumat pendaftaran penuh tidak dilengkapkan atau mengisi pendaftaran sementara dengan MPM;
- (b) pemilihan bidang pengkhususan yang tidak tepat selain daripada PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN / *MEDICINE* (PERUBATAN). Contoh bidang pengkhususan yang dipilih oleh calon adalah seperti SAINS PERUBATAN/ SAINS KESIHATAN/ SAINS KEJURURAWATAN; dan
- (c) calon tidak melengkapkan proses permohonan dengan menekan butang HANTAR selepas permohonan dikemaskini yang menyebabkan sistem merekodkan permohonan terakhir yang diHANTAR.

6. Tapisan di perenggan 5 di atas dilaksanakan bagi memastikan hanya calon yang mempunyai kelayakan yang ditetapkan sahaja dipanggil untuk temu duga.

7. Berdasarkan rungutan calon bahawa tiada panduan khusus mengenai perkara seperti di perenggan 5 di atas, Suruhanjaya BERSETUJU untuk mengemukakan senarai nama calon sebanyak 3,281 yang tidak melepasi tapisan di perenggan 2(a) dan (b) kepada KKM untuk proses tapisan akhir berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti iklan.

8. Sekiranya semakan daripada KKM mendapati calon memenuhi semua syarat yang ditetapkan seperti di perenggan 2(a) hingga (d), status calon akan dikemaskini dalam SPA9 dan seterusnya akan dipanggil temu duga.

9. Calon boleh menyemak status terkini permohonan mulai 22 April 2022 (Jumaat).

10. Suruhanjaya juga BERSETUJU untuk mengeluarkan pilihan senarai pendaftaran penuh/ sementara dengan MMC daripada proses permohonan ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43/41. Oleh itu, KKM perlu membuat semakan pengesahan pendaftaran penuh dengan MMC ke atas setiap calon yang akan dikemukakan oleh SPA.

11. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Perubatan, Bahagian Pengambilan, SPA di talian 03-8091 9000/9415 (waktu pejabat) atau e-mel [perubatanpg@spa.gov.my](mailto:perubatanpg@spa.gov.my).

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
**12 APRIL 2022**